

0795

U 6632 DEB
MAHATHIR - INFLASI

KUALA LUMPUR, 28 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN SEMUA PIHAK KHUSUSNYA PEKERJA DAN MAJIKAN BEKERJASAMA BAGI MENGELAKKAN KEMUNGKINAN BERLAKUNYA INFLASI TIDAK TERKAWAL EKORAN KRISIS DI NEGARA TELUK SEKARANG.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAGAIMANA BAHAYANYA INFLASI TIDAK TERKAWAL ITU, SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA NEGARA AMERIKA SELATAN, YANG BOLEH MENGAKIBATKAN BARANGAN YANG DULUNYA BERTAMBAH HARGA SERINGGIT, TERPAKSA DIBAYAR DENGAN HARGA \$120+.

SEKIRANYA BERLAKU INFLASI TIDAK TERKAWAL, KEMAJUAN EKONOMI YANG TELAH DICAPAI OLEH NEGARA TIDAK AKAN BERMAKNA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TIGA TAHUN SEKALI KESATUAN PEKERJA KERETAPI TANAH MELAYU (RUM) DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA RAKYAT DI MALAYSIA MUNGKIN TIDAK FAHAM KEADAAN INFLASI TIDAK TERKAWAL KERANA IA BELUM BERLAKU DI NEGARA INI.

MENURUT PERDANA MENTERI, KRISIS TELUK AKAN MENYEBABKAN KENAIKAN HARGA MINYAK, YANG AKAN MENYEBABKAN HARGA BARANGAN NAIK DAN MERANGSANG KESATUAN SEKERJA PULA UNTUK MENUNTUT KENAIKAN GAJI. -- LAGI.

1531MST 28 08 90

0797

U B633 DEB
MAHATHIR - INFLASI 2 KUALA LUMPUR

MAJIKAN PULA TERPAKSA MENAIKKAN LAGI HARGA BARANGAN DAN PERKHIDMATAN BAGI MEMENUHI TUNTUTAN ITU DAN KENAIKAN KOS PENGELUARAN. +INI SEPERTI PERMAINAN ENJIT-ENJIT SEMUT, SIAPA SAKIT NAIK KE ATAS,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, BELIAU MENASIHATI KESATUAN SEKERJA SUPAYA TIDAK MENUNTUT KENAIKAN GAJI SEMATA-MATA BERPUNCA DARIPADA KENAIKAN HARGA BARANGAN EKORAN KRISIS DI NEGARA TELUK ITU.

SEBALIKNYA, BELIAU MAHUKAN PARA PEKERJA MENIKMATI KENAIKAN GAJI DENGAN PENINGKATAN DALAM PRODUKIVITI DAN PENGELUARAN DAN MAJIKAN TIDAK DIBEBANKAN DENGAN PENINGKATAN DALAM KOS PENGELUARAN.

MAJLIS PERASMIAN ITU DIHADIRI OLEH PARA PEMIMPIN TERTINGGI CUEPACS DAN KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC).

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR, KADAR INFLASI PADA TAHUN 1988 IALAH DUA SETENGAH PERATUS BERBANDING DENGAN KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI SEBANYAK LAPAN PERATUS. -- LAGI.

1535MST 28 08. 90

0798

U B634 DEB
MAHATHIR - INFLASI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA MENASIHATI KESATUAN SEKERJA DAN MAJIKAN MENGENEPIKAN SIKAP BERKONFRANTASI SESAMA MEREKA, YANG MENURUT BELIAU, ADALAH +SIKAP YANG USANG.+ SEBALIKNYA, MAJIKAN DAN PEKERJA PERLU MEMBENTUK PERSEFAHAMAN ANTARA MEREKA.

PARA PEKERJA PULA PERLU BERPEGANG KEPADA PRINSIP UNTUK MENAMBAH KEKAYAAN MAJIKAN MASING-MASING KERANA PENINGKATAN PENDAPATAN MAJIKAN BERMAKNA PENDAPATAN PEKERJA AKAN BERTAMBAH, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGATKAN MAJIKAN SUPAYA MEMBENTUK SIKAP BEKERJASAMA, TIDAK HANYA KEPADA PEKERJA MASING-MASING TETAPI JUGA PADA MASYARAKAT KESELURUHANNYA,

BELIAU JUGA BERKATA DASAR KERAJAAN BERTAMBAH DENGAN PEKERJA ADALAH UNTUK MENGUNTINGKAN PEKERJA TERMASUK DASAR PENSWASTAAN. -- BERNAMA.

1537MST 28 08 90